



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Sembahyang A'dah di Masjid Sultan

Ahmad Bin Muhammad Hasyim Geylang, Singapura bertanya:

Tatkala Kiyai Haji Anwar Musaddad menjadi khatib dan menjadi imam Jumaat di Masjid Sultan baharu-baharu ini setelah solat Jumaat bilal terus qāmat untuk mengadakan sembahyang a'dah sedang kemudian yang menjadi imamnya orang lain.

Apakah kiyai itu sependapatan dengan orang-orang yang membilangkan bida'ah a'dah itu atau bagaimana? Bolehkah tuan memberi keterangan dalam perkara ini?

Jawab: Sebenarnya Musaddad sembahyang Jumaat di Masjid Sultan

Kiyai Hāji Anwar Musaddad tidak bangkit sebagai imam sembahyang a'dah yang telah dilazimkan di masjid itu dengan alasan kerana berbilang masjid di situ. Kita tidak mengetahui tentang pendirian Kiyai Haji Anwar Musaddad dan sebab-sebabnya ia tidak mahu jadi imam tetapi adalah umum diketahui bahawa sembahyang a'dah itu tidak dilakukan oleh Imam Shāfi'ī ataupun ada nas-nasnya yang membolehkan sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah (SAW) ataupun sahabat-sahabatnya.

Kita sendiri tidak mengetahui dengan alasan apa mereka mengadakan sembahyang itu dan molek benar kiranya Cik Kadi Singapura member penjelasan untuk kita di dalam perkara ini supaya jangan orang-orang terbawa-bawa membuat sesuatu yang bida'ah di dalam beribadat kepada Tuhan.

* * *

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

Menyatukan Sembahyang

Qāsim Zayn-Kampung Melayu, Kuala Lumpur bertanya:

Di dalam pekerjaan-pekerjaan yang sangat-sangat sibuk kerap kali saya terlalai hendak menunaikan sembahyang Zuhur dan kerana itu maka selalu Zuhur saya tertinggal kerana saya orang awam maka saya mendengar ada suatu pendapat mengatakan bahawa sembahyang yang tertinggal itu tidak boleh qada'-jadi bagaimanakah hal saya dengan sembahyang Zuhur yang tertinggal itu? Bolehkah saya sekali-kali menyatukannya dengan asar-dijama'kan sahaja? Harap tuan tolong berikan jawapan.

Jawabnya: Jika tuan sibuk sangat di dalam usaha-usaha tuan maka hendaklah tuan niatkan supaya sembahyang zohor tuan itu dijama'kan kepada asar sahaja diriwayatkan (maksudnya): Ibnu 'Abbās berkata bahawa Nabi (SAW) telah pernah sembahyang di Madinah tujuh (rakaat dan delapan (rakaat) iaitu Zuhur dan Asar Maghrib dan Isyak (hadis sahih riwayat Bukhārī dan Muslim).

Diriwayatkan lagi (maksudnya): Bahawa Nabi (SAW) pernah sembahyang jama' di antara Zuhur dan Asar dan di antara Maghrib dan Isyak di Madinah bukan kerana ada peperangan dan tidak ada hujan. Ada orang bertanya kepada Ibnu 'Abbās: Apa maksud Rasulullah berbuat begitu? Jawabnya: "Maksud Rasulullah tidak hendak memberatkan umanya. (Hadis sahih riwayat Muslim)

Diriwayatkan pula (maksudnya): Ibn Mas'ūd telah berkata bahawa Rasulullah (SAW) pernah sembahyang jama'